



PERSATUAN SAINS MATEMATIK MALAYSIA (PERSAMA)
(Malaysian Mathematical Sciences Society)
d/a Jabatan Sains Matematik
Fakulti Sains & Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor D.Ehsan
Tel: 603-89213423/603-89215712, Faks: 603-89254519
Mel-e: maslina@ukm.edu.my, mohdalmie@ukm.edu.my
Web: <http://www.persama.org.my>

5 FEBRUARI 2021

**SEMUA KETUA JABATAN
AHLI SEUMUR HIDUP PERSAMA
MEREKA YANG BERKENAAN**

Assalamu'alaikum wbkt

Y.Bhg Dato'/Datin/Prof/Prof. Madya/Dr/Tn/Pn/En/Cik,

HEBAHAN TAWARAN PENAJAAN YURAN UNTUK PENYERTAAN KE SKSM28

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas. Sukacita dimaklumkan bahawa Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) bersama Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan menganjurkan Simposium Kebangsaan Sains Matematik ke 28 (SKSM28) pada 28 dan 29 Julai 2021.

2. Sehubungan itu, PERSAMA berbesar hati untuk menaja yuran penyertaan SKSM28 bagi beberapa ahli seumur hidup PERSAMA yang telah mendaftar keahlian selama sekurang-kurangnya setahun dan akan menjadi pembentang dalam SKSM28.

3. Untuk memohon, ahli yang berminat dan memenuhi syarat-syarat di atas perlu mengisi dan mengembalikan borang permohonan (Lampiran 1) bersama-sama dengan surat penerimaan abstrak SKSM28 kepada urusetia PERSAMA di alamat e-mail mohdalmie@ukm.edu.my. Untuk makluman, tarikh akhir permohonan adalah pada 19 Februari 2021. Borang permohonan boleh juga didapati di laman sesawang PERSAMA di www.persama.org.my.

4. Sebarang pertanyaan boleh diajukan terus kepada urusetia di alamat email mohdalmie@ukm.edu.my. Mohon kerjasama pihak tuan/puan untuk menghebahkan maklumat ini kepada mereka yang berkenaan di Jabatan tuan/puan.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Wassalam.

Yang benar,

Prof. Dr. Maslina Darus
Presiden PERSAMA